

Lelaki didenda RM900 kerana bergaduh di tempat awam

MIRI: Padah bergaduh di tempat awam, seorang lelaki didenda RM900 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret, semalam.

Manakala tertuduh kedua, Houng Wei Siong diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM800 berserta seorang penjamin tempatan setelah mengaku tidak bersalah atas tuduhan itu.

Mahkamah kemudian menetapkan 22 Mac depan untuk pengurusan kes.

Sim Kiat Yu dan Huong didakwa mengikut Seksyen 160 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda RM1,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, kedua-dua tertuduh didapati telah bergaduh di tempat awam.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 5.30 pagi, 12 Februari lalu di kawasan kedai yang terletak di belakang Tamu Krokop di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.